Malyan
merchant sales & acquisition experts

# TERMA DAN SYARAT
# KEMPEN BUDDIES GET BUDDIES

1. Kempen *Buddies Get Buddies* adalah kempen untuk meraikan rakan dagang Malyan yang sedia ada untuk memperolehi komisyen / insetif sebagai tanda penghargaan.

2. Tempoh kempen adalah selama 2 bulan bermula pada 1 Julai – 31 Ogos 2025.

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Malyan, **kecuali pengedar, ejen yang dilantik dan wargakerja Malyan.**

4. Pelanggan Malyan dinamakan sebagai *Introducer* dan pelanggan baru sebagai *New Buddies*.

5. *New Buddies* bermaksud pelanggan baru yang belum pernah membuat pembelian produk dari pihak Malyan.

6. *Introducer* akan diberi komisyen (RM) sebanyak 7% secara one-off dari jumlah invoice pelanggan baru dan komisyen tersebut akan dikreditkan ke dalam invoice *Introducer.*

7. *Introducer* WAJIB membuat pesanan sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh kempen untuk menerima bayaran komisyen. Sekiranya jumlah komisyen (RM) melebihi dari jumlah invoice pesanan yang dibuat, komisyen akan dikreditkan dalam tempoh 7 hari ke akaun *Introducer* selepas pembayaran penuh dibuat oleh *New Buddies.*

8. Kategori *New Buddies* adalah seperti berikut :

8.1 Logo harus berlainan daripada *Introducer.*
8.2 Sekiranya terdapat 2 syarikat atau lebih tetapi menggunakan 1 logo yang sama adalah dikira 1 *New Buddies.*
8.3 Sekiranya 1 syarikat yang sama tetapi menggunakan 2 logo yang berbeza adalah dikira 2 *New Buddies.*

9. Mekanisme penyertaan kempen adalah seperti berikut:

9.1 Tindakan *Introducer* :

*Introducer* kepada *New Buddies*

Mula →

1) Mengesyorkan pembelian barangan bungkusan makanan dan minuman seperti cetakan logo dicawan.

2) Memaklumkan kepada pelanggan bahawa pihak Malyan akan menghubungi mereka untuk perbincangan pembelian.

*Introducer* kepada pihak Malyan

1) Hanya perlu memaklumkan nombor telefon pelanggan baru kepada pihak Malyan di talian :
#malyanbuddies 011-63374242

← Tamat

9.2 Tindakan pihak Malyan kepada *Introducer* dan pelanggan baru.

Tindakan pihak Malyan

Mula →

1) Malyan akan menghubungi pelanggan baru untuk berunding dan mengambil pesanan belian. →

2) Pelanggan baru hanya perlu membayar deposit 50% ke atas jumlah invoice yang dikeluarkan oleh Malyan. →

3) Pesanan yang telah siap dihantar ke pelanggan baru. ↓

4) Pelanggan baru membuat bayaran penuh dalam masa 3 hari selepas pesanan dihantar. ←

5) Komisyen dikreditkan ke dalam invoice pesanan *Introducer*. ←

Tamat

10. Jumlah maksimum komisyen adalah RM700 sahaja disepanjang tempoh kempen bagi 1 *Introducer.*

11. Jumlah pesanan minimum (MOQ) *New Buddies* adalah :

| Bil | Jenis barangan | Kuantiti (PCS) |
|---|---|---|
| 11.1 | Cawan bercetak | 3,000 |
| 11.2 | Lunch box bercetak | 6,000 |
| 11.3 | Napkin / tisu bercetak<br>- Cocktail<br>- Luncheon<br>- Dinner | <br>5,000<br>6,000<br>3,000 |
| 11.4 | Paper bowl | 3,000 |
| 11.5 | Botol minuman PP | 3,000 |
| 11.6 | Ziplock | 20,000 |
| 11.7 | Burger Wrapper | 30,000 |
| 11.8 | Set lengkap makanan bungkusan segera | 30,000 |

12. *New Buddies* yang telah membuat pesanan akan dimaklumkan kepada *Introducer* melalui khidmat pesanan ringkas atau panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang dirasakan sesuai oleh pihak Malyan.

13. Malyan mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama, gambar *Introducer* dan *New Buddies* untuk tujuan promosi di dalam akhbar atau majalah.

14. Malyan tidak akan bertanggungjawab, secara langsung atau tidak terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kemungkinan yang dialami oleh *Introducer*, disebabkan oleh penyertaan *Introducer* dalam kempen ini atau daripada sebarang tindakan di pihak Malyan.

15. Dengan menyertai kempen ini, *Introducer* dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Malyan yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

16. Sebarang surat-menyurat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan. Pihak Malyan juga mempunyai hak eksklusif untuk menukar, meminda, memotong atau menambah kandungan dalam terma dan syarat ini dengan memberi notis terlebih dahulu di media sosial rasmi dan laman sesawang Malyan.



**MALYAN UNIVERSAL (002835802-D)**
No 18 Jalan BS 7/12, Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
Email : admin@malyan.com.my Tel : 011-6324 9600 / 011-6537 4242